

SOALAN LAZIM PELAJAR BAHARU BERKAITAN YURAN

1. Bagaimanakah cara untuk membuat pembayaran yuran?

Pelajar boleh membuat pembayaran yuran melalui kaedah pembayaran seperti berikut:

i. **UniMAP's Cashless Payment Portal (URPay)** - <https://urpay.unimap.edu.my/>

- a. "Type of User" - "Offered Undergrad Student"
- b. *Username* : Nombor Matrik
Password : Nombor Kad Pengenalan
- c. Klik pada "Fees", klik "Pay" dan pilih kaedah pembayaran
- d. Masukkan maklumat berkaitan dan buat bayaran

ii. **JomPAY**

Bayaran boleh dibuat melalui **JOMPAY** (melalui perbankan internet atau perbankan mudah alih mana-mana bank tempatan)

Biller Code	: 1024
Ref-1	: No. Matrik
Ref-2	: No. Kad Pengenalan



- i. Sila masukkan maklumat **Biller Code**, **Ref 1** dan **Ref 2** dengan tepat
- ii. Masukkan amaun bayaran

iii. **Pembayaran secara Bill Presentment Bank Islam**

a. Melalui perbankan internet / perbankan mudah alih Bank Islam Malaysia Berhad.

- i. Layari <http://www.bankislam.com.my> dan log masuk.
- ii. Pilih menu **Bill Presentment** pada menu **Payment / Services**
- iii. **Masukkan nombor IC** dan pilih nama **Universiti Malaysia Perlis** sebagai payee
- iv. Masukkan amaun yang perlu dibayar dan buat bayaran

a. **Mesin ATM Bank Islam** – menggunakan kad ATM Bank Islam.

- i. Pilih menu **Lain-Lain**, pilih menu **Pembayaran Bil & Yuran IPT** dan kemudian pilih menu **Yuran IPT / Bill Presentment**
- ii. Pilih nombor akaun, masukkan nombor kad pengenalan pelajar dan pilih nama **Universiti Malaysia Perlis** sebagai payee
- iii. Masukkan amaun yang perlu dibayar dan buat bayaran

2. Berapakah amaun yuran yang perlu dibayar bagi pelajar baharu?

Jumlah yuran yang perlu dibayar mengikut program pengajian adalah seperti berikut:

Diploma	Yuran Semester 1 (RM)	Yuran Minima (RM)
Kejuruteraan	1,785.00	775.00
Teknologi Kejuruteraan Mekanikal	1,865.00	775.00
Teknologi Kejuruteraan Polimer	1,858.00	768.00
Teknologi Kejuruteraan Kimia	1,858.00	768.00
Teknologi Kejuruteraan Alam Sekitar	1,858.00	768.00

Sarjana Muda	Yuran Semester 1 (RM)	Yuran Minima (RM)
Keusahawanan Kejuruteraan, Komunikasi Media Baharu, Perniagaan Antarabangsa & Teknologi Media Interaktif	2,035.00	775.00
Kejuruteraan & Teknologi Kejuruteraan	2,200.00	790.00
Teknologi	2,690.00	790.00
Sains Gunaan (Teknologi Bahan & Metalurgi)	3,242.00	790.00
Perakaunan	3,400.00	790.00
Sains Data (Kecerdasan Buatan)	3,650.00	790.00

3. Bolehkah yuran dibayar secara tunai?

Tidak boleh. Segala urusan dibuat TANPA TUNAI.

4. Bilakah saya perlu membayar yuran pengajian saya?

Pelajar dikehendaki menjelaskan bayaran yuran pengajian sebelum hari pendaftaran, mengikut tarikh yang dinyatakan dalam Sistem Surat Tawaran.

5. Adakah pihak Bendahari menetapkan jangka masa tertentu untuk membuat bayaran yuran pengajian pada setiap semester?

Bagi pelajar baharu, bayaran yuran hendaklah dijelaskan sebelum pendaftaran. Jika pelajar tidak membayar penuh yuran, baki yuran hendaklah dijelaskan selewat-lewatnya 2 minggu sebelum tarikh pengeluaran slip peperiksaan.

Bagi pelajar sedia ada, pelajar dikehendaki membayar tunggakan yuran sebelum pendaftaran semester baharu atau selewat-lewatnya 2 minggu sebelum tarikh pengeluaran slip peperiksaan.

6. Adakah yuran akan dikembalikan sekiranya saya menggugurkan kursus?

Yuran tidak akan dikembalikan sekiranya pelajar menggugurkan kursus.

7. Sekiranya saya ingin menangguhkan pengajian, adakah saya perlu membayar yuran?

Pelajar masih diwajibkan untuk menjelaskan bayaran yuran dan mendaftar sebagai pelajar UniMAP terlebih dahulu. Seterusnya, permohonan penangguhan pengajian hendaklah dikemukakan kepada pihak fakulti untuk pertimbangan dan kelulusan. Setelah permohonan penangguhan diluluskan, pihak Jabatan Bendahari akan memproses pemulangan semula yuran yang telah dibayar kepada pelajar.

8. Adakah saya perlu membayar yuran penginapan sekiranya saya ingin menetap di rumah bersama keluarga?

Yuran penginapan perlu dibayar oleh semua pelajar UniMAP. Permohonan untuk tidak menginap di Kolej Kediaman perlu dibuat kepada pihak Pusat Perumahan Pelajar (PPP) dan sebarang pemulangan yuran penginapan adalah tertakluk kepada kelulusan pihak PPP.

9. Adakah pinjaman / biasiswa disediakan? Adakah pihak UniMAP akan membantu proses permohonan pinjaman / biasiswa pengajian?

Permohonan bagi sebarang pinjaman atau biasiswa perlu dibuat sendiri oleh pelajar kepada agensi yang berkaitan. Pelajar boleh merujuk kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) untuk semakan agensi yang menawarkan bantuan pinjaman / biasiswa kepada pelajar.

10. Saya mendapat penajaan, adakah saya masih perlu membuat pembayaran?

Sekiranya pelajar menerima penajaan pengajian, satu salinan surat tawaran penajaan hendaklah diserahkan / diemelkan kepada Jabatan Bendahari dan juga kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP). Pelajar baharu digalakkan membayar sendiri dahulu bayaran yuran sebelum pendaftaran bagi mengelakkan kesulitan sepanjang semester pengajian.

11. Sekiranya saya sudah membayar yuran pengajian terlebih dahulu sebelum penaja, adakah pihak Jabatan Bendahari akan mengembalikan bayaran saya setelah penaja membuat pembayaran?

Bayaran yang telah dibuat akan dikembalikan setelah pihak penaja membuat pembayaran yuran kepada UniMAP.

12. Bagaimanakah cara untuk saya memohon pinjaman daripada PTPTN?

Unit Pembiayaan & Kebajikan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) akan mengadakan satu taklimat kepada semua pelajar baharu tentang permohonan pinjaman PTPTN.

13. Bagaimanakah caranya sekiranya saya ingin membayar yuran menggunakan akaun KWSP sendiri / ibu bapa?

Pelajar atau waris yang berhasrat untuk membuat pengeluaran Akaun 2 KWSP bagi tujuan pembiayaan yuran pengajian boleh mengemukakan permohonan secara terus melalui laman web rasmi KWSP di www.kwsp.gov.my. Sila ikuti langkah-langkah yang dinyatakan di dalam laman web tersebut sehingga selesai. Untuk makluman, pelajar yang layak juga boleh membuat tuntutan tiket penerbangan bagi Semester 1 tertakluk kepada kelayakan dan garis panduan KWSP.

Segala bayaran yang diterima oleh pihak Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) daripada KWSP akan diproses oleh Jabatan Bendahari. Pelajar boleh menyemak status bayaran yuran melalui portal pelajar iaitu Online Student Information (OSI).

14. Sekiranya saya ingin membayar yuran secara ansuran, adakah dibenarkan?

Pelajar boleh membayar yuran minima iaitu yuran pendaftaran sebelum pendaftaran dan baki dibayar selewatnya-lewatnya 2 minggu sebelum slip peperiksaan dikeluarkan bagi mengelakkan kesulitan.

15. Jika saya masih belum memasuki kampus dan mengikuti pengajian secara dalam talian, adakah saya masih perlu membayar yuran suaikenal, yuran pengangkutan dan yuran penginapan?

Pelajar perlu membayar semua yuran yang termasuk di dalam struktur yuran yang telah ditetapkan. Sebarang pengurangan atau pengecualian yang diluluskan adalah tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa universiti dan akan dimaklumkan kemudian sekiranya berkaitan.

16. Sekiranya saya mendapat tawaran belajar di institusi pengajian yang lain, adakah saya boleh menuntut kembali yuran pengajian yang telah dibayar di UniMAP?

Pelajar boleh menuntut kembali keseluruhan yuran yang telah dibayar dengan syarat pelajar masih belum mendaftar dengan UniMAP. Pelajar perlu mengemukakan surat makluman dan tuntutan semula bayaran yuran kepada Jabatan Bendahari melalui emel berikut : kewanganpelajar-bendahari@unimap.edu.my cc: kemasukan@unimap.edu.my selewat-lewatnya sehari sebelum hari pendaftaran.

Sekiranya pelajar telah mendaftar sebagai pelajar UniMAP tetapi ingin menarik diri disebabkan mendapat tawaran institusi pengajian yang lain atau atas sebab-sebab yang lain, pelajar perlu menghantar permohonan menarik diri terlebih dahulu kepada pihak Bahagian Kemasukan dan Rekod Pelajar (AMD). Bayaran balik yuran akan dibuat

selepas pihak Jabatan Bendahari menerima pengesahan menarik diri pelajar daripada pihak AMD dan PPP.

17. Sekiranya saya menarik diri dari UniMAP selepas pendaftaran, adakah saya layak untuk mendapat pulangan balik yuran yang telah dijelaskan?

Maklumat kepada pelajar baharu yang telah membuat bayaran penuh dan menarik diri selepas pendaftaran :

a) Yuran Pendaftaran

Tiada bayaran akan dikembalikan sekiranya pelajar menarik diri selepas pendaftaran.

b) Yuran Pengajian & Perkhidmatan

- i) Pelajar baharu yang menarik diri dalam tempoh 14 hari daripada tarikh pendaftaran, bayaran yuran akan dikembalikan setelah ditolak bayaran Yuran Pendaftaran dan Yuran Penginapan (akan dikembalikan setelah ditolak bilangan hari mendiami asrama)
- ii) Pelajar yang menarik diri dalam tempoh minggu ketiga sehingga cuti pertengahan semester, tiada bayaran akan dikembalikan bagi yuran pendaftaran. Bagi yuran pengajian, 50% daripada yuran pengajian akan dikembalikan, manakala yuran penginapan akan dikembalikan setelah ditolak bilangan hari mendiami asrama dan lain-lain yuran tidak akan dikembalikan.
- iii) Pelajar yang menarik diri selepas cuti pertengahan semester, tiada bayaran yuran akan dikembalikan kecuali yuran penginapan akan dikembalikan setelah ditolak bilangan hari mendiami asrama.

Sekiranya pelajar menarik diri selepas pendaftaran tetapi tidak membuat pembayaran penuh yuran, pelajar akan dianggap sebagai berhutang setelah dibuat pengiraan bagi yuran yang layak dikenakan ke atasnya.

18. Bagaimanakah cara untuk saya menghubungi Pejabat Bendahari untuk bertanyakan dengan lebih lanjut berkenaan pembayaran yuran?

Pelajar yang ingin bertanyakan lebih lanjut berkenaan pembayaran yuran boleh menghubungi Bahagian Kewangan Pelajar, Jabatan Bendahari melalui emel : kewanganpelajar-bendahari@unimap.edu.my atau di talian **04-941 4033 / 4035 / 4020 / 4335**.